

**HUBUNGAN SIKAP DAN MOTIVASI DENGAN PENCAPAIAN BAHASA
INGGERIS MURID SEKOLAH KEBANGSAAN FELDA DAERAH BERA**

MARIANI BINTI MOHD NOR

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2015

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara sikap terhadap Bahasa Inggeris dan motivasi untuk mempelajari Bahasa Inggeris dengan pencapaian Bahasa Inggeris murid Tahun Lima di sekolah-sekolah kebangsaan FELDA di daerah Bera, Pahang. Seramai 205 orang murid Tahun Lima di lapan buah sekolah telah dipilih melalui persampelan rawak kelompok. Soal selidik Scheffe (2009) digunakan untuk mengumpul data mengenai sikap terhadap Bahasa Inggeris dan motivasi untuk mempelajari Bahasa Inggeris. Manakala, maklumat mengenai pencapaian Bahasa Inggeris diperoleh daripada markah Ujian Pertengahan Tahun 2014 yang disediakan oleh Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Bera. Data dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif iaitu frekuensi dan peratus serta analisis inferensi iaitu korelasi Pearson dan regresi berganda kaedah *stepwise*. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pencapaian Bahasa Inggeris bagi majoriti responden adalah pada tahap sederhana (69.3%) dan bilangan responden yang lemah dalam Bahasa Inggeris (28.8%) adalah jauh lebih ramai berbanding murid yang cemerlang (2.0%). Di samping itu, terdapat hubungan yang signifikan antara sikap terhadap Bahasa Inggeris dengan motivasi untuk mempelajari Bahasa Inggeris. Selain itu, berdasarkan hasil analisis regresi berganda pula, didapati pemboleh ubah utama yang mempengaruhi pencapaian Bahasa Inggeris ialah sikap negatif murid terhadap Bahasa Inggeris ($F = 30.639, p = 0.001$). Kesimpulannya, pencapaian Bahasa Inggeris mempunyai perkaitan yang rapat dengan sikap murid. Dapatkan kajian ini memberi implikasi bahawa pencapaian Bahasa Inggeris boleh ditingkatkan jika sikap negatif murid terhadap Bahasa Inggeris diubah.



05

 pustaka.upsi.edu.my

 Perpustakaan Tuanku Bainun

 PustakaTBainun



ptbupsi

RELATIONSHIP BETWEEN ATTITUDE AND MOTIVATION WITH ENGLISH LANGUAGE ACHIEVEMENT AMONG BERA FELDA PRIMARY SCHOOL PUPILS

ABSTRACT

This study is aimed to determine the relationship between attitude towards English language and motivation to learn English language with English language achievement of year five pupils at FELDA primary school in Bera District, Pahang. 205 year five pupils at eight schools were selected through cluster sampling. Scheffe questionnaires (2009) were used to collect data on attitude towards English language and motivation to learn English language while data on achievement in English language was collected from the result of Mid Year Test 2014 which was prepared by Bera District Education Office (DEO). The data was analyzed through descriptive statistics which were frequency and percentage, and also inferential statistics which were Pearson correlation and stepwise multiple regressions. The findings revealed that English language achievement for majority of the respondents are at the moderate level (69.3%) and number of weak respondents in English language (28.8%) are higher than excellent respondents (2.0%). Besides that, there was a significant correlation between attitude towards English language and motivation to learn English language. Instead of that, based on multiple regressions analysis it is found that the main variable which influenced English language achievement is negative attitude towards English language ($F = 30.639$, $p = 0.001$). Thus, English language achievement has strong relationship with pupils' attitude. The implication of this research is that English language achievement can be improved if negative attitude towards English language among pupils are changed.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

KANDUNGAN

Muka Surat

| | |
|--|------|
| PENGAKUAN | ii |
| PENGHARGAAN | iii |
| ABSTRAK | iv |
| ABSTRACT | v |
| KANDUNGAN | vi |
| SENARAI JADUAL | vii |
| SENARAI RAJAH | viii |
| SENARAI SINGKATAN | ix |
| SENARAI LAMPIRAN | x |
| BAB 1 PENDAHULUAN | |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 2 |
| 1.3 Pernyataan Masalah | 6 |
| 1.4 Tujuan Kajian | 14 |
| 1.5 Objektif Kajian | 15 |
| 1.6 Persoalan Kajian | 16 |
| 1.7 Hipotesis Kajian | 16 |
| 1.8 Kepentingan Kajian | 19 |
| 1.9 Skop dan Batasan Kajian | 21 |
| 1.10 Definisi Konseptual dan Operasional | 22 |

ptbupsi

| | |
|--|----|
| 1.10.1 Definisi Sikap | 23 |
| 1.10.2 Definisi Motivasi | 25 |
| 1.10.3 Definisi Pencapaian Bahasa Inggeris | 26 |
| 1.11 Kesimpulan | 27 |

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

| | |
|---|----|
| 2.1 Pengenalan | 28 |
| 2.2 Pembelajaran Bahasa Inggeris | 29 |
| 2.3 Kajian Tempatan | 31 |
| 2.3.1 Kajian Tempatan Mengenai Sikap dan Pencapaian Bahasa | 32 |
| 2.3.2 Kajian Tempatan Mengenai Motivasi dan | 36 |
| 2.3.3 Kajian Tempatan Mengenai Hubungan Sikap dan Motivasi dengan Pencapaian Bahasa Inggeris | 40 |
| 2.4 Kajian Luar Negara | 44 |
| 2.4.1 Kajian Luar Negara Mengenai Sikap dan Pencapaian Bahasa | 44 |
| 2.4.2 Kajian Luar Negara Mengenai Motivasi dan Pencapaian Bahasa | 46 |
| 2.4.3 Kajian Luar Negara Mengenai Hubungan Sikap dan Motivasi dengan Pencapaian Bahasa Inggeris | 49 |

| | |
|--|----|
| 2.5 Kerangka Teoretikal | 52 |
| 2.5.1 Teori Keazaman Kendiri | 52 |
| 2.5.2 Teori Motivasi Pencapaian McClelland | 55 |

| | | |
|-------|--|----|
| 2.5.3 | Teori Penentuan Matlamat | 57 |
| 2.5.4 | Teori Atribusi | 60 |
| 2.6 | Model Sosiopendidikan | 62 |
| 2.6.1 | Unsur Sikap dalam Model Sosiopendidikan | 66 |
| 2.6.2 | Unsur Motivasi dalam Model Sosiopendidikan | 67 |
| 2.7 | Kerangka Konseptual | 70 |
| 2.8 | Kesimpulan | 73 |

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|-----|--|----|
| 3.1 | Pengenalan | 75 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian dan Kaedah Pengumpulan Data | 76 |
| 3.3 | Populasi dan Sampel Kajian | 77 |

| | | |
|-------|--|----|
| 3.4 | Instrumen Kajian | 80 |
| 3.4.1 | Instrumen Sikap dan Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Inggeris | 81 |
| 3.4.2 | Maklumat Latar belakang | 85 |
| 3.4.3 | Ujian Bahasa Inggeris | 86 |
| 3.5 | Kajian Rintis | 87 |
| 3.6 | Prosedur Kajian | 89 |
| 3.7 | Kaedah Analisis Data | 91 |
| 3.8 | Kesimpulan | 96 |

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

| | | |
|-----|----------------------|----|
| 4.1 | Pengenalan | 97 |
| 4.2 | Keputusan Deskriptif | 97 |

| | | |
|-------|---|-----|
| 4.2.1 | Latar belakang responden | 98 |
| 4.2.2 | Tahap pencapaian Bahasa Inggeris murid Tahun Lima di daerah Bera, Pahang | 99 |
| 4.2.3 | Tahap sikap positif dan sikap negatif murid terhadap Bahasa Inggeris serta motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik murid untuk mempelajari Bahasa Inggeris | 100 |
| 4.3 | Keputusan Inferensi | 108 |
| 4.3.1 | Hubungan Antara Sikap Terhadap Bahasa Inggeris Dengan Motivasi Untuk Mempelajari Bahasa Inggeris murid Tahun Lima | 109 |
| 4.3.2 | Sumbangan Sikap Terhadap Bahasa Inggeris dan Motivasi untuk Mempelajari Bahasa Inggeris Dalam Pencapaian Bahasa Inggeris Murid Tahun Lima | 113 |
| 4.4 | Kesimpulan | 116 |

BAB 5**PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

| | | |
|-------|---|-----|
| 5.1 | Pengenalan | 117 |
| 5.2 | Perbincangan Mengenai Analisis Deskriptif | 118 |
| 5.2.1 | Tahap Pencapaian Murid Tahun Lima dalam Ujian Bahasa Inggeris | 118 |
| 5.3 | Perbincangan Analisis Inferensi | 121 |

| | | |
|-------|--|-----|
| 5.3.1 | Hubungan Antara Sikap Terhadap Bahasa Inggeris | 121 |
|-------|--|-----|

dan Motivasi Untuk Mempelajari Bahasa Inggeris

dalam Kalangan Murid tahun Lima Sekolah

Kebangsaan FELDA di Daerah Bera, Pahang

5.3.2 Sumbangan Sikap Terhadap Bahasa Inggeris dan 130

Motivasi Untuk Mempelajari Bahasa Inggeris

Terhadap Pencapaian Bahasa Inggeris Murid

Tahun Lima

5.4 Rumusan Dapatan Kajian 137

5.5 Implikasi Kajian 140

5.6 Cadangan Kajian 143

5.6 Kesimpulan 144

RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

| No. Jadual | | Muka Surat |
|------------|---|------------|
| 3.1 | Pencapaian Bahasa Inggeris dalam UPSR bagi sekolah Kebangsaan di Daerah Bera, Pahang | 78 |
| 3.2 | Pembahagian dan contoh item sikap positif murid terhadap mata pelajaran Bahasa Inggeris mengikut sub skala. | 82 |
| 3.3 | Pembahagian dan contoh item sikap negatif terhadap Bahasa Inggeris mengikut sub skala. | 83 |
| 3.4 | Pembahagian dan contoh item motivasi intrinsik murid untuk belajar Bahasa Inggeris mengikut sub skala | 84 |
| 3.5 | Pembahagian dan contoh item motivasi ekstrinsik mengikut sub skala | 85 |
| 3.6 | Ujian Bahasa Inggeris mengikut format UPSR | 86 |
| 3.7 | Nilai Alfa Cronbach bagi setiap komponen sikap dan motivasi terhadap pencapaian Bahasa Inggeris | 89 |
| 3.8 | Kaedah menganalisis data | 92 |
| 3.9 | Pemarkatan skor bagi setiap sub skala | 93 |
| 3.10 | Nilai Pekali Korelasi (r) | 95 |
| 4.1 | Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina | 98 |
| 4.2 | Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut kelas | 99 |
| 4.3 | Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut pencapaian Bahasa Inggeris | 100 |
| 4.4 | Analisis tahap bagi setiap komponen soal selidik | 101 |

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---------------------|---|--|---|----------------|---|---------|
|  | 05-4506832 |  | pustaka.upsi.edu.my |  | Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah |  | PustakaTBainun |  | ptbupsi |
| 4.5 | Maklumbalas responden terhadap setiap item yang dikaji dalam komponen sikap positif murid terhadap Bahasa Inggeris | 102 | | | | | | | |
| 4.6 | Maklumbalas responden terhadap setiap item yang dikaji dalam komponen sikap negatif murid terhadap Bahasa Inggeris | 104 | | | | | | | |
| 4.7 | Maklumbalas responden terhadap setiap item yang dikaji dalam komponen motivasi intrinsik murid untuk mempelajari Bahasa Inggeris | 105 | | | | | | | |
| 4.8 | Maklumbalas responden terhadap setiap item yang dikaji dalam komponen motivasi ekstrinsik murid untuk mempelajari Bahasa Inggeris | 107 | | | | | | | |
| 4.9 | Analisis hubungan antara sikap terhadap Bahasa Inggeris dengan motivasi untuk mempelajari Bahasa Inggeris | 112 | | | | | | | |
| 4.10 | Analisis Regresi Berganda Pemboleh ubah Sikap Positif Dan Sikap Negatif Terhadap Bahasa Inggeris Serta Motivasi Intrinsik Dan Motivasi Ekstrinsik Untuk Mempelajari Bahasa Inggeris | 115 | | | | | | | |

SENARAI RAJAH

| No. Rajah | Muka Surat |
|---|-------------------|
| 2.1 Model Sosiopendidikan | 63 |
| 2.2 Motivasi Integratif dalam Model Sosiopendidikan | 65 |
| 2.3 Kerangka konseptual kajian | 72 |

SENARAI SINGKATAN

| | |
|--------|---|
| AMTB | <i>Attitude and Motivation Test Battery</i> |
| FELDA | <i>Federal Land Development Authority</i> |
| GPMP | Gred Purata Mata pelajaran |
| ILBK | Institut Latihan Belia Kebangsaan |
| JPNP | Jabatan Pendidikan Negeri Pahang |
| KBSM | Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah |
| KBSR | Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah |
| KPM | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| KSSM | Kurikulum Standard Sekolah Menengah |
| KSSR | Kurikulum Standard Sekolah Rendah |
| MBMMBI | Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkuatkan Bahasa Inggeris |
| PPD | Pejabat Pendidikan Daerah |
| PPPM | Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia |
| PPSMI | Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris |
| SMAT | Sekolah Menengah Agama Terengganu |
| SPSS | <i>Statistical Package For Social Sciences</i> |
| TAT | <i>Thematic Apperception Test</i> |
| UiTM | Universiti Institut Teknologi Mara |
| UKM | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| UPSR | Ujian Penilaian Sekolah Rendah |
| UTM | Universiti Teknologi Malaysia |

SENARAI LAMPIRAN

- A Senarai Sekolah-Sekolah Kebangsaan FELDA di Daerah Bera, Pahang dan Bilangan Kelas
- B Soal Selidik Mengenai Sikap dan Motivasi Murid Terhadap Pembelajaran Bahasa Inggeris
- C Surat Pengesahan Status Pelajar
- D Surat Kebenaran Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)
- E Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
- F Surat Kebenaran Guru Besar
- G Surat kebenaran Ibu Bapa
- H Surat Akuan Menjadi Responden Kajian

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan tentang latar belakang kajian dan diikuti dengan permasalahan kajian. Berdasarkan pernyataan masalah kajian, dikemukakan enam persoalan kajian yang akan menjadi fokus kajian ini. Seterusnya, dikemukakan tujuan dan objektif kajian ini dijalankan. Selaras dengan persoalan kajian, terdapat tujuh objektif yang menjadi sasaran kajian ini. Selanjutnya, dua hipotesis utama dibina dan akan diuji dalam kajian ini. Seterusnya, dibincangkan tentang kepentingan kajian dan skop kajian. Kemudian, semua boleh ubah utama dalam kajian ini iaitu sikap, motivasi dan pencapaian didefinisikan secara konseptual dan operasional.



1.2 Latar Belakang Kajian

Era globalisasi meletakkan Malaysia bersaing dengan pelbagai cabaran. Dalam mengharungi arus perubahan modenisasi ini, Malaysia tidak ketinggalan untuk menghadapi cabaran dalam mendepani persaingan abad ke-21 ini. Mutu pendidikan bertaraf dunia adalah perlu untuk menjadi sebuah negara membangun dan berdaya saing menjelang 2020 (Ainol Madziah Zubairi & Isarji Sarudin, 2009).

Peningkatan taraf pendidikan ini perlu dilakukan secara menyeluruh termasuklah di kawasan luar bandar seperti FELDA (*Federal Land Development Authority*). Pihak FELDA telah memandang serius perkara ini dan bertindak selari dengan program pendidikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).



Peruntukan yang besar untuk membentuk dan membiayai program tambahan di semua sekolah di seluruh tanah rancangan telah dikeluarkan sebagai satu usaha untuk meningkatkan taraf pendidikan generasi kedua FELDA (Noraziah Ali, Noor Zahra Zakaria & Mohd Azlan Abdullah, 2010).

Dalam usaha merealisasikan matlamat ini, kesedaran masyarakat tentang kepentingan Bahasa Inggeris adalah perlu. Hal ini adalah kerana Bahasa Inggeris merupakan bahasa utama dalam komunikasi antarabangsa. Seseorang itu harus mempunyai kemahiran, ilmu pengetahuan dan kebolehan untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris secara efektif agar dapat bersaing di persada antarabangsa. Bahasa Inggeris bukan sahaja penting dalam bidang pendidikan malah berperanan dalam bidang politik, ekonomi dan sosial seiring dengan perkembangan teknologi (Ainol Madziah Zubairi & Isarji Sarudin, 2009).





Pihak kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif untuk meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris agar rakyat Malaysia menjadi masyarakat yang mampu bersaing di peringkat dunia. Bahasa Inggeris adalah bahasa kedua yang telah diajar secara formal di samping bahasa kebangsaan, iaitu Bahasa Malaysia dan merupakan mata pelajaran wajib sama ada di peringkat sekolah rendah atau sekolah menengah. Bahasa Inggeris diajar dengan tujuan untuk melengkapkan murid dengan kemahiran bahasa. Bermula dari pra sekolah hingga ke peringkat universiti, murid didedahkan dengan kemahiran Bahasa Inggeris yang merangkumi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012c).

Walaupun Bahasa Inggeris telah diajar sebagai bahasa kedua pada semua peringkat pendidikan, namun pencapaian Bahasa Inggeris masih pada tahap yang



Masalah ini lebih ketara di kawasan luar bandar seperti FELDA. Hal ini terbukti apabila pencapaian Bahasa Inggeris dalam UPSR bagi sekolah Kebangsaan di daerah Bera, Pahang telah menunjukkan penurunan sebanyak 6.76 % pada tahun 2013 iaitu 74.11 % berbanding tahun 2012, 80.87 % (Pejabat Pendidikan Daerah Bera, 2014). Secara keseluruhannya, prestasi pendidikan di kawasan FELDA di seluruh negara menunjukkan pencapaian yang agak sederhana di semua peringkat pendidikan iaitu UPSR, PMR dan SPM (Noraziah Ali et al., 2010).

Hal ini perlu dipandang serius dan tindakan segera perlu diambil. Salah satu usaha pihak KPM untuk meningkatkan pencapaian Bahasa Inggeris adalah dengan memperkenalkan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkuuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI). Dasar ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat





mulai tahun 2010 ekoran daripada pemansuhan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI). Dasar ini berperanan untuk memastikan murid boleh menguasai Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan fasih dan betul dengan memberi penekanan kepada lima bidang utama kemahiran iaitu membaca, mendengar dan berucap, menulis, tatabahasa dan seni bahasa dalam Bahasa Inggeris. Melalui dasar baru yang diperkenalkan oleh KPM ini, guru merupakan medium terpenting bagi menggerakkan dan melaksanakan dasar ini dengan mempertingkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris di dalam bilik darjah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012a).

Namun begitu, pencapaian Bahasa Inggeris yang tidak memuaskan mungkin disebabkan oleh faktor sikap. Allport (1967) mendefinisikan sikap sebagai



Di samping itu, sikap menerangkan apa yang dirasakan oleh seseorang terhadap sesuatu dan merangkumi penilaian seseorang terhadap sesuatu sama ada mencerminkan perasaan positif atau negatif. Sikap yang positif boleh mendorong pelajar untuk belajar dan mendorong kepada pencapaian sesuatu matlamat, manakala sikap yang negatif akan menghalang proses pengajaran dan pembelajaran (Rahmah Awang Sapie & Abdul Shukor Shaari, 2010).

Dalam pembelajaran bahasa, murid lebih dipengaruhi oleh Bahasa Malaysia kerana Bahasa Inggeris berbeza sama sekali daripada bahasa yang dipertuturkan setiap hari (Marlyna Maros, Tan, & Khazriyati, 2007; Nor Hashimah Jalaludin et al., 2008; Saadiyah Darus & Kaladevi, 2009). Di samping itu, kajian yang telah dijalankan menunjukkan pelajar yang mempunyai pencapaian yang cemerlang lebih





menunjukkan sikap yang positif terhadap Bahasa Inggeris berbanding pelajar yang lemah dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris (Thang, Ting, & Nurjannah Mohd Jaafar, 2009). Dengan kata lain, dijangkakan bahawa pencapaian Bahasa Inggeris ada kaitan dengan sikap murid terhadap mata pelajaran tersebut.

Di samping itu, pencapaian Bahasa Inggeris juga boleh dipengaruhi oleh tahap motivasi murid untuk mempelajari Bahasa Inggeris (Thang et al., 2009). Menurut Gardner (1985) motivasi pembelajaran bahasa adalah tahap seseorang berusaha untuk mempelajari sesuatu bahasa kerana keinginannya untuk melakukan demikian dan pengalaman merasakan kepuasan ketika menjalankan aktiviti tersebut.



menggerakkan seseorang untuk melakukan sesuatu untuk mencapai matlamat atau kejayaan (Ramlah Jantan & Mahani Razali, 2002). Apabila murid tidak bermotivasi, mereka tidak berminat untuk terlibat dalam aktiviti pembelajaran yang dijalankan malah mereka hanya belajar sekadar memenuhi tuntutan kurikulum. Murid yang tidak bermotivasi untuk mempelajari Bahasa Inggeris menjadi faktor pencapaian Bahasa Inggeris yang tidak memuaskan. Sebaliknya, murid yang bermotivasi mempunyai matlamat yang ingin dicapai, sentiasa berusaha, memberikan tumpuan, mempunyai keinginan untuk berjaya, menunjukkan sikap yang positif dan mempunyai keyakinan diri. Selain itu, murid yang bermotivasi tinggi juga mempunyai kecenderungan untuk mencapai matlamat dan mengelakkan kegagalan. Oleh itu, murid yang mempunyai tahap motivasi yang tinggi untuk belajar Bahasa Inggeris akan berusaha untuk menunjukkan prestasi yang baik (Gardner, 2007).





Motivasi murid untuk mempelajari Bahasa Inggeris boleh dipengaruhi oleh faktor motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik (Dornyei, 1994a). Motivasi intrinsik adalah faktor dalaman yang wujud dalam diri individu sendiri tanpa ada paksaan atau dorongan orang lain untuk belajar. Hal ini merujuk kepada matlamat seseorang, tumpuan terhadap aktiviti yang dijalankan, ketekalan, minat, efikasi kendiri dan kepuasan melakukan sesuatu aktiviti (Ryan & Deci, 2000). Sementara itu, motivasi ekstrinsik adalah faktor luaran yang mempengaruhi individu seperti ajakan, suruhan atau paksaan dari orang lain sehingga pelajar itu ingin belajar dan berusaha untuk meningkatkan pencapaian (Ainol Madziah Zubairi & Isarji Sarudin, 2009). Di samping itu, kepuasan luaran seperti pujian yang diterima apabila berjaya melakukan aktiviti tertentu juga merupakan motivasi ekstrinsik (Dornyei, 2003).



mendorong murid untuk berusaha dengan lebih gigih dalam pembelajaran Bahasa Inggeris berbanding murid yang didorong oleh motivasi ekstrinsik. Hal ini adalah kerana motivasi intrinsik wujud dalam diri individu dan tidak dipengaruhi oleh pelbagai unsur luaran. Oleh yang demikian, motivasi mungkin menjadi faktor yang boleh membantu meningkatkan pencapaian Bahasa Inggeris.

1.3 Pernyataan Masalah

Bahasa Inggeris diajar di sekolah rendah dan sekolah menengah dengan berpandukan kurikulum dan sukanan pelajaran yang disediakan oleh KPM untuk membentuk pelajar dari segi intelektual, emosi, spiritual dan fizikal. (Siti Hamin Stapa, Nadzrah Abu





Bakar, & Rozmel Abdul Latiff, 2007). Dalam konteks kurikulum, tujuan pembelajaran Bahasa Inggeris adalah untuk membekalkan murid dengan kemahiran bahasa (Azizi Yahaya, 2010). Empat kemahiran bahasa yang perlu dikuasai oleh murid adalah bertutur, mendengar, menulis dan membaca (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012c).

Kebiasaannya, apabila sesuatu pengajaran dijalankan murid akan memberi perhatian dengan mendengar pengajaran guru. Pada masa yang sama, mereka akan mencatat perkara-perkara penting. Apabila ada sesuatu yang tidak difahami, mereka akan bertanya kepada guru. Dalam proses pengajaran juga, biasanya guru akan meminta murid membaca ayat atau petikan tertentu agar setiap perkataan itu disebut dengan betul dan maksudnya difahami. Proses ini menggambarkan empat kemahiran bahasa yang perlu dikuasai oleh murid dalam pembelajaran Bahasa Inggeris. Namun



begitu, murid menghadapi masalah untuk menguasai empat kemahiran atas bahasa iaitu membaca, menulis, mendengar dan bertutur dalam Bahasa Inggeris dengan baik (Ambigapathy, 2006).

Kemahiran membaca adalah penting dalam proses pembelajaran bahasa. Masalah membaca dapat menjelaskan pencapaian murid dalam semua mata pelajaran (Rosnani Hashim, 2007). Oleh itu, pendedahan terhadap kemahiran membaca pada peringkat awal sangat penting. Minat dan motivasi sangat berperanan dalam membina tabiat dan keupayaan membaca. Minat yang mendalam terhadap bahan bacaan memudahkan seseorang menguasai kemahiran membaca (Tamam Timbang, Zamri Mahamad, Nik Mohd Rahimi Nik Yussoff, & Jamaludin Badushah (2010). Di samping itu, murid juga perlu mahir menulis dalam Bahasa Inggeris. Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang sukar diajar dan dikuasai oleh murid kerana





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

penulisan melibatkan tahap literasi yang paling kompleks dan memerlukan proses kognisi yang tinggi (Yahya Othman & Dk. Suzanawaty Pg. Osman, 2014).

Murid juga menghadapi masalah bertutur dalam Bahasa Inggeris. Masalah yang paling ketara adalah murid sekolah rendah lebih suka bertutur dalam Bahasa Malaysia berbanding Bahasa Inggeris (Manprit Kaur & Mohamed Amin Embi, 2011).

Murid memahami percakapan dalam Bahasa Inggeris, namun menghadapi masalah dalam pertuturan Bahasa Inggeris. Hal ini adalah kerana murid merasa bimbang dan tidak yakin untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris dan menghadapi kesukaran untuk meluahkan pendapat dalam Bahasa Inggeris. Murid tidak menghadapi masalah ini semasa menggunakan Bahasa Malaysia tetapi masalah ini timbul apabila Bahasa Inggeris digunakan (Ahmad Johari Sihes & Sopiah Marjuki, 2010). Situasi ini juga



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

terjadi dalam kalangan pelajar di institut pengajian tinggi. Dalam kajian yang dijalankan oleh Noor Hashimah Abdul Aziz (2007), pelajar di institut pengajian tinggi didapati merasa bimbang dan tidak yakin untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris dan menghadapi kesukaran untuk meluahkan pendapat dalam Bahasa Inggeris.

Selain itu, murid tidak mengaplikasikan kemahiran bahasa yang telah dipelajari dalam kehidupan harian malah lebih memfokuskan kepada pencapaian yang cemerlang dalam peperiksaan. Bahasa Inggeris dianggap sebagai satu subjek dan bukannya medium komunikasi yang penting (Cho, 2013). Murid lebih suka berinteraksi dalam Bahasa Malaysia dengan rakan, guru dan pihak pentadbir sekolah. (Ambigapathy, 2006). Dengan itu pembelajaran Bahasa Inggeris lebih menjurus kepada mempelajari kemahiran bahasa sahaja apabila murid tidak dapat



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

mempraktikkannya dalam pergaulan harian (Nor Liza Ali, M. Obaidul Hamid, & Karen Moni, 2011).

Masalah untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris ini lebih ketara dalam kalangan murid luar bandar berbanding murid bandar. Hal ini adalah kerana murid yang fasih berbahasa Inggeris biasanya datang dari keluarga yang menggunakan Bahasa Inggeris untuk berkomunikasi di rumah, sentiasa menggunakan Bahasa Inggeris di luar bilik darjah dan murid ini kebiasaannya berasal dari keluarga yang mempunyai status sosioekonomi yang tinggi. Manakala murid yang kurang fasih berbahasa Inggeris adalah murid luar bandar yang mana pendedahan terhadap Bahasa Inggeris sangat terhad dan berasal dari keluarga yang mempunyai status sosioekonomi yang rendah di luar bandar (Siti Hamim Stapa et al., 2007). Pendedahan Bahasa Inggeris hanya terhad



05



di dalam bilik darjah dan guru merupakan sumber utama pendedahan Bahasa Inggeris melalui pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas (Abdul Rashid Mohamed, Sabariah Morad, Shaik Malik Mohamed Ismail, Hamzah Omar, & Wan Rose Eliza Abdul Rahman, 2006).

Pada masa yang sama, masih ramai murid tidak dapat menguasai asas tatabahasa walaupun telah lima tahun mempelajari Bahasa Inggeris. Hal ini adalah kerana mereka lebih terpengaruh dengan penggunaan Bahasa Malaysia yang tatabahasanya adalah berbeza dengan Bahasa Inggeris. Murid menterjemah ayat dalam Bahasa Malaysia kepada Bahasa Inggeris secara langsung yang menyebabkan berlakunya kesalahan tatabahasa (Marlyna Maros et al., 2007; Nor Hashimah Jalaludin et al., 2008; Saadiyah Darus & Kaladevi Subramanian, 2009).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Rentetan daripada permasalahan yang dihadapi oleh murid, pencapaian Bahasa Inggeris berada pada tahap yang tidak memuaskan. Buktinya, prestasi keseluruhan Bahasa Inggeris dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) bagi tahun 2011 mencatatkan penurunan dalam Gred Purata Mata pelajaran (GPMP) sebanyak 0.06 peratus iaitu daripada 2.69 pada tahun 2010 kepada 2.74 pada tahun 2011. Peratusan calon yang mendapat gred A telah menurun 1.2% manakala calon yang mendapat gred ABC menurun sebanyak 1.4% (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012b).

Situasi ini adalah lebih serius dalam kalangan murid luar bandar apabila tahap literasi Bahasa Inggeris murid luar bandar adalah tidak memuaskan (Siti Hamim Stapa et al., 2007). Sebahagian besar murid gagal menguasai Bahasa Inggeris dengan baik khususnya murid Melayu luar bandar (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012c).



Kelemahan dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris bukan hanya mengakibatkan pencapaian Bahasa Inggeris yang tidak memuaskan, malah mengakibatkan kurangnya peluang murid untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan mengikuti kursus yang memerlukan pengetahuan dan kemahiran dalam Bahasa Inggeris pada masa akan datang (Samsiah Bidin, Kamaruzaman Jusoff, Nurazila Abdul Aziz, Musdiana Mohamad Salleh, & Taniza Tajudin, 2009). Di samping itu, penguasaan Bahasa Inggeris juga adalah penting untuk keperluan kerjaya. Maknanya, seseorang itu harus mempunyai kemahiran Bahasa Inggeris agar dapat berkomunikasi secara efektif untuk bersaing dalam era ekonomi global (Ainol Madziah Zubairi & Isarji Sarudin, 2009). Oleh itu, perbezaan pencapaian Bahasa Inggeris dalam kalangan murid luar bandar dan bandar ini perlu diberi perhatian sewajarnya (Siti Hamim Stapa et al., 2007).





Namun begitu, hakikatnya tidak mudah bagi seseorang untuk mempelajari sesuatu bahasa yang berbeza daripada bahasa ibunda, terutamanya jika individu tersebut tidak tinggal dalam kelompok yang menuturkan bahasa tersebut. Proses pembelajaran untuk menguasai Bahasa Inggeris memerlukan usaha dan semangat yang kental kerana terdapat pelbagai cabaran yang perlu ditangani. Dengan kata lain, murid mesti terus bersikap positif semasa mengikuti proses pembelajaran Bahasa Inggeris dan mengekalkan tahap motivasi untuk mempelajari Bahasa Inggeris (Marlyna Maros et al., 2007; Nor Hashimah Jalaludin et al., 2008; Saadiyah Darus & Kaladevi, 2009).

Banyak kajian yang telah dijalankan menunjukkan sikap murid dan motivasi mempengaruhi pencapaian bahasa (Gardner & Lambert, 1972; Guiora, Brannon, & Dull³², 1972). Gardner dan Lambert (1972) mendefinisikan sikap sebagai sebahagian daripada motivasi yang mempengaruhi kejayaan proses pembelajaran bahasa. Gardner (1985) menyatakan bahawa sikap merupakan faktor utama yang menentukan kejayaan penguasaan bahasa di dalam kelas. Hal ini adalah kerana sikap menerangkan apa yang dirasakan oleh seseorang terhadap sesuatu sama ada perasaan positif atau negatif dan merangkumi penilaian seseorang terhadap sesuatu. Sikap yang positif boleh mendorong seseorang pelajar dan menjadi motivasi untuk mencapai sesuatu matlamat. Sikap negatif pula akan menjadi penghalang kepada proses pengajaran dan pembelajaran (Rahmah Awang Sapie & Abdul Shukor Shaari, 2010).

Kajian yang dijalankan oleh Tamam Timbang, Zamri Mahamad, Nik Mohd Rahimi Nik Yussoff & Jamaludin Badushah (2010) mendapati sikap negatif murid iaitu kurang minat belajar dan kurang mengambil perhatian semasa belajar di dalam

